

26/02/2003

Sidang akhbar dinanti

WARTAWAN di Pusat Media Antarabangsa (IMC) bersorak kecil disusuli gelak ketawa apabila Sekretariat Media mengumumkan sidang akhbar bersama Menteri Luar Palestin, Farouk Kaddummi pada jam 2.55 petang dibatalkan.

Sidang akhbar bersama Menteri Luar Palestin yang sepatutnya bermula jam 3 petang dibatalkan kerana Kaddummi mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kebanyakan warga media yang sudah berada di dalam bilik persidangan akhbar agak kecewa malah ada sesetengahnya bersorak kecil kerana pembatalan sidang akhbar itu dibuat kira-kira lima minit sebelum persidangan akhbar bermula.